



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

RANG UNDANG-UNDANG PROFESION KERJA SOSIAL 2026 PERKASA PROFESION KERJA SOSIAL DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT

KUALA LUMPUR, 30 JULAI 2026 – Mewakili Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), saya menzahirkan rasa syukur atas kelulusan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial 2026 (RUU PKS 2026) oleh Dewan Negara hari ini. Kelulusan ini merupakan satu pencapaian penting dalam usaha membangunkan sistem penyampaian perkhidmatan sosial yang lebih profesional, berintegriti dan berkualiti demi kesejahteraan rakyat.

Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial 2026 digubal bagi mengiktiraf kerja sosial sebagai satu profesion yang memerlukan kompetensi, latihan formal dan standard amalan yang jelas. Profesion ini berbeza daripada aktiviti kesukarelawanan dan kerja penjagaan kerana ia melibatkan proses intervensi profesional yang sistematik bagi memastikan kesejahteraan individu, keluarga dan komuniti. Justeru, RUU ini tidak mengawal selia aktiviti sukarelawan atau kerja penjagaan, sebaliknya memberi tumpuan kepada pengamal yang menyediakan perkhidmatan kerja sosial secara profesional.

RUU ini turut mewujudkan satu kerangka kawal selia yang komprehensif melalui penubuhan Majlis Profesion Kerja Sosial Malaysia yang akan bertanggungjawab mendaftarkan pengamal kerja sosial, menetapkan standard kompetensi, mengawal selia etika dan disiplin profesion, serta membangunkan peraturan dan garis panduan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan sosial yang berkualiti, berintegriti dan diyakini rakyat. Pendekatan ini juga membuka ruang kepada pembangunan kompetensi secara berterusan dan penyelarasan standard kerja sosial di seluruh negara.

Selain melindungi rakyat daripada penyalahgunaan profesion oleh individu yang tidak berkelayakan, RUU ini turut menyediakan laluan pembangunan kerjaya yang lebih jelas kepada pengamal kerja sosial, termasuk graduan baharu dan pengamal berpengalaman. Pada masa yang sama, pelaksanaannya secara berfasa serta penggubalan peraturan melalui libat urus bersama kementerian, ahli akademik, NGO dan pengamal profesional akan memastikan sistem kawal selia ini kekal relevan, inklusif dan mampu memenuhi keperluan masyarakat yang semakin kompleks pada masa hadapan.

Untuk makluman semua, penggubalan RUU PKS 2026 telah mengambil kira cabaran baharu yang dihadapi negara susulan perubahan landskap demografi, peningkatan populasi warga emas, urbanisasi, kos sara hidup serta perkembangan teknologi dan kecerdasan buatan (AI) yang telah mewujudkan isu sosial yang semakin kompleks.

KPWKM menyedari bahawa perkembangan teknologi berupaya meningkatkan kecekapan dan memperkukuh penyampaian perkhidmatan sosial. Namun begitu, teknologi tidak mampu menggantikan nilai kemanusiaan yang menjadi teras kepada profesion kerja sosial.

Dengan kelulusan RUU PKS 2026 hari ini, KPWKM yakin bahawa lebih banyak ruang akan diwujudkan kepada pekerja sosial yang kompeten daripada sektor swasta dan badan bukan kerajaan untuk berganding bahu bersama Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan sosial yang lebih berkualiti, profesional dan berkesan kepada rakyat.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada 19 ahli Dewan Negara yang sudi mengambil bahagian dalam perbahasan hari ini. Saya juga ingin menyatakan bahawa kelulusan RUU PKS 2026 hari ini merupakan satu pelaburan jangka panjang negara dalam membina profesion kerja sosial yang lebih diyakini, dihormati dan berdaya saing. Saya yakin pengiktirafan yang diberikan melalui perundangan ini akan membuka lebih banyak peluang kepada graduan serta menarik minat lebih ramai anak muda untuk menceburi bidang kerja sosial sebagai satu kerjaya profesional yang memberi impak besar kepada masyarakat.

Walau secanggih mana teknologi berkembang, sentuhan kemanusiaan, empati dan belas ihsan akan sentiasa menjadi nadi kepada profesion kerja sosial. Dengan kelulusan RUU ini, Kerajaan MADANI memperkukuh komitmennya untuk membina ekosistem kerja sosial yang lebih profesional, berintegriti dan mampan demi kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negara.

Sekian, terima kasih.

YB LIM HUI YING

TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

30 JULAI 2026